

Buka sempadan, iktiraf sijil vaksinasi fokus lawatan PM ke Thailand



Pegawai Penyelidik di Pejabat Perdana Menteri

Oleh Nora Rashid
bhrencana@bh.com.my

Sebaik selesai lawatan ke Kemboja, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berlepas ke Thailand untuk lawatan rasmi dua hari mulai semalam, bagi memenuhi jadual lawatan ke negara ASEAN.

Ini adalah negara ASEAN kelima dilawati Perdana Menteri selepas Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam dan Kemboja.

Lawatan Ismail Sabri ke Thailand adalah atas undangan rakan sejawatannya, Jeneral Prayut Chan-o-Cha dan ketibaan beliau amat dinanti-nantikan hasil hubungan akrab kedua-dua negara berjiran sejak 65 tahun lalu.

Pertemuan empat mata kedua-dua pemimpin itu akan membuka peluang untuk memperkukuh kerjasama dua hala dan menyelesaikan isu tertunda, sekali gus merancakkan semula ekonomi kedua-dua negara yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Perbincangan antara Ismail Sabri dengan Prayut dijangka turut tertumpu kepada pembukaan semula sempadan kedua-dua negara melalui skim Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) udara, darat dan laut serta memperhalusi mekanisme dan prosedur operasi standard (SOP) bersesuaian bagi tujuan itu.

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Suvarnabhumi di Bangkok adalah keutamaan Malaysia sebagai langkah awal untuk pembukaan sempadan antara kedua-dua negara, terutama bagi pelaksanaan

VTL udara.

Selain itu, perbincangan berkenaan juga akan meliputi pelaksanaan VTL darat melalui pemeriksaan di Bukit Kayu Hitam-Sadao dan VTL laut melalui Langkawi-Satun supaya ia dapat dilaksanakan pada masa terdekat.

Pada masa sama, kedua-dua pemimpin itu juga membawa isu pengiktirafan sijil vaksinasi dari kedua-dua negara ke meja rundingan.

Kedua-dua pihak sebelum ini bertukar-tukar maklumat teknikal berkenaan sijil vaksinasi digital dan proses pengesahan vaksin pada Disember 2021 dan berharap pengiktirafan sijil vaksin digital (*End-to-End Verification*) dapat dilaksanakan.

Bagi isu serantau, kedua-dua pemimpin akan ber-

"Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Suvarnabhumi di Bangkok adalah keutamaan Malaysia sebagai langkah awal untuk pembukaan sempadan antara kedua-dua negara, terutama bagi pelaksanaan VTL udara"

kongsi pandangan mengenai pengukuhan kerjasama bidang kepentingan bersama, seperti keselamatan, perkongsian ekonomi dan kesalinghubungan di sepanjang sempadan serta kerjasama dalam ASEAN.

Sempena lawatan ini, Ismail Sabri akan menyaksikan pemeteraian dua memorandum persefahaman (MoU) dan satu perjanjian oleh sektor farmaseutikal serta perubahan kedua-dua negara, termasuk membabitkan Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) berkaitan COVID-19.

Pemeteraian MoU dan perjanjian ini mencerminkan jalinan kerjasama erat terjalin antara kedua-dua negara.

Malaysia juga akan meneruskan kerjasama ekonomi dengan Thailand melalui Jawatankuasa Perdagangan Bersama (JTC) bagi mempromosikan perdagangan dan pelaburan ke tahap yang lebih tinggi.

Thailand kini rakan dagangan ketujuh terbesar Malaysia pada peringkat global dan ketiga terbesar dalam kalangan negara ASEAN.

Jumlah dagangan Malaysia-Thailand sehingga Oktober 2021 bernilai AS\$19.24 bilion (RM79.49 bilion), iaitu peningkatan 22 peratus daripada tahun sebelumnya.

Perdana Menteri juga akan mengadakan pertemuan bersama Keluarga Malaysia dan juga komuniti perniagaan di Hotel Shangri-La, Bangkok.

Pada 14 Februari lalu, Ismail Sabri mengadakan lawatan rasmi ke Brunei Darussalam dan bertemu Sultan Hassanal Bolkiah.

Antara perkara dibincangkan ketika lawatan itu ialah VTL melalui udara antara Malaysia dengan Brunei, meneroka kerjasama baharu pasca-COVID-19, kerjasama dalam bidang diplomasi kesihatan dan cadangan ke arah pengukuhan kerjasama dalam bidang ekonomi.